



IKLAN JAWATAN

1. JAWATAN: ANGGOTA LPF

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk berkhidmat sebagai Anggota Lembaga Penapis Filem di Kementerian Dalam Negeri.

2. SYARAT KELAYAKAN

2.1 Syarat Am

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai penguasaan Bahasa Melayu yang baik dan sekurang-kurangnya satu Bahasa Asing (Inggeris, dialek Cina, dialek India, Arab, Korea, Jepun atau lain-lain);
- iii. Mempunyai kebolehan memahami dan menganalisis isu yang baik;
- iv. Berkebolehan untuk menulis laporan dalam Bahasa Melayu dengan baik;
- v. Mempunyai kemahiran asas penggunaan komputer;
- vi. Tahap kesihatan yang baik dan memuaskan;
- vii. Tidak memegang apa-apa jawatan lain sama ada dengan kerajaan, badan berkanun, swasta ataupun apa-apa pertubuhan yang menghendaki calon bekerja sepenuh masa; dan
- viii. Tidak pernah ditamatkan perkhidmatan sama ada dalam perkhidmatan kerajaan, badan berkanun, pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan swasta atas sabitan apa-apa kesalahan sivil.

2.2 Calon Pesara Kerajaan

- i. Telah bersara wajib atau pilihan;
- ii. Umur tidak melebihi 62 tahun;
- iii. Bersara atas jawatan sekurang-kurangnya gred 48 atau setaraf; dan
- iv. Berpengalaman dalam bidang keselamatan & ketenteraman awam, komunikasi & penyiaran, keagamaan, pendidikan, penguatkuasaan atau bidang-bidang lain yang bersesuaian.

2.3 Calon Bukan Pesara Kerajaan

- i. Berumur di antara 31 hingga 60 tahun;
- ii. Kelayakan akademik Ijazah Sarjana Muda atau setaraf dengan pengalaman kerja tidak kurang 7 tahun;
- iii. Mempunyai pengetahuan dan minat dalam industri perfileman dan penyiaran.

3. TARAF JAWATAN: KONTRAK

4. CARA MEMOHON:

Semua permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan borang permohonan yang boleh dimuat turun beserta sekeping gambar terkini berukuran pasport kepada:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 2, Blok D2, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 Putrajaya
(u.p: Unit Penapisan Filem)**